

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Rabu,
25 Ogos 2021**



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA
BAGI PENUNJUK EKONOMI MALAYSIA
INDEKS PELOPOR, SERENTAK & SUSULAN,
JUN 2021**

**Prospek ekonomi Malaysia jangka pendek terus menghadapi cabaran
berikutan isyarat awalan Indeks Pelopor pada 0.5 peratus berbanding
6.9 peratus pada bulan sebelumnya**

PUTRAJAYA, 25 OGOS 2021– Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan **PENUNJUK EKONOMI MALAYSIA: INDEKS PELOPOR, SERENTAK & SUSULAN BAGI JUN 2021**. Indeks Pelopor (IP) merupakan alat yang digunakan untuk menjangkakan kenaikan dan penurunan ekonomi dalam purata empat hingga enam bulan ke hadapan.

Mengulas terhadap laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Pada Jun 2021, IP terus mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 0.5 peratus kepada 105.6 mata daripada 105.1 mata pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh Import Benar Logam Asas Berharga & Logam Bukan Ferus Lain yang didorong oleh import logam berasaskan tembaga. Walau bagaimanapun, IP menurun 2.8 peratus bulan ke bulan, dicerminkan oleh penurunan dalam semua komponen IP terutamanya oleh Bilangan Unit Kediaman yang Diluluskan Pembinaan (-0.9%)."

Melihat kepada hala tuju yang digambarkan oleh penurunan kadar pertumbuhan IP terlicin walaupun kekal di atas trend (**Paparan I**), IP menunjukkan bahawa prospek ekonomi Malaysia jangka pendek terus menghadapi cabaran. Ini sejajar dengan ramalan oleh agensi antarabangsa dan nasional yang menjangkakan prospek

ekonomi yang perlahan bagi Malaysia pada 2021. Walau bagaimanapun, kesan positif daripada pelbagai inisiatif kerajaan untuk menyokong kelangsungan perniagaan, seiring dengan kemajuan dalam kadar vaksinasi COVID-19 dapat merangsang keyakinan perniagaan dan seterusnya menyokong pemulihan ekonomi.

Indeks Serentak (IS) mengekalkan momentum pertumbuhan tahunan yang positif bagi tiga bulan yang lalu manakala mencatatkan negatif 3.0 peratus pada Jun 2021 berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0. Prestasi IS yang mencerminkan aktiviti ekonomi semasa terus menurun kepada negatif 6.3 peratus bulan ke bulan berbanding penurunan sebanyak 1.3 peratus yang direkodkan pada bulan sebelumnya, disebabkan penurunan ketara dalam Kapasiti Penggunaan di sektor Pembuatan (-4.5%).

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) secara dalam talian (e-Census) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga liputan penuh dapat dicapai. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA


JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

25 OGOS 2021

LAMPIRAN I

Paparan I:

Kadar Pertumbuhan bagi Indeks Pelopor (Terlicin) dan Kitaran Perniagaan



**Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Wednesday,
25th August 2021**



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT
FOR MALAYSIAN ECONOMIC INDICATORS
LEADING, COINCIDENT & LAGGING INDEXES,
JUNE 2021**

**Malaysia's near term economic prospect continues to face challenges
following the early signals of Leading Index at 0.5 per cent as against
6.9 per cent in the previous month**

PUTRAJAYA, 25 AUGUST 2021- Today, the Department of Statistics Malaysia released the **MALAYSIAN ECONOMIC INDICATORS: LEADING, COINCIDENT & LAGGING INDEXES FOR JUNE 2021**. The Leading Index (LI) is a predictive tool used to anticipate economic upturns and downturns in an average of four to six months ahead.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said, "In June 2021, the LI continued to register a positive growth of 0.5 per cent to 105.6 points from 105.1 points in the same month last year. The increase was mainly contributed by Real Imports of Other Basic Precious & Other Non-ferrous Metals driven by the import of copper-based metals. However, the LI declined 2.8 per cent month-on-month, reflected by the reduction in all of LI components mainly Number of Housing Units Approved (-0.9%)."

Looking at the direction indicated by the decreasing growth rate of smoothed LI despite remained above the trend (**Exhibit I**), the LI indicates that Malaysia's near term economic prospect continues to face challenges. This is in line with the forecasts by international and national agencies that expect a slower economic outlook for Malaysia in 2021. However, positive impacts from various government initiatives to support business continuity, along with the progress of COVID-19 vaccination rates may stimulate the business confidence and hence support the economic recovery.

The Coincident Index (CI) maintained its positive annual momentum for the past three months while posted negative 3.0 per cent in June 2021 following the implementation of Movement Control Order (MCO) 3.0. The performance of CI which reflects the current economic activity further decreased to negative 6.3 per cent month-on-month as against a decline of 1.3 per cent recorded in the preceding month, due to the noticeable decline in Capacity Utilisation in Manufacturing sector (-4.5%).

The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) via online (e-Census) is being conducted nationwide until full coverage has been accomplished. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

Released by:

**OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
25 AUGUST 2021**

Exhibit I:

Growth Rate of Leading Index (Smoothed) and Business Cycle

